

## Penanda Aras Gatsby

Penanda aras kerjaya Gatsby adalah hasil kajian antarabangsa untuk mengenalpasti amalan terbaik dalam bimbingan kerjaya di seluruh dunia. Pasukan Gatsby bekerjasama dengan pakar dari University of Derby, dan melawat enam tempat iaitu Jerman, Finland, Belanda, Ireland, Hong Kong dan Ontario - di mana bimbingan kerjaya di negara-negara tersebut adalah antara yang terbaik.

Lapan penanda aras ini adalah kerangka kerja untuk bimbingan kerjaya yang baik dan dibangunkan untuk menyokong sekolah-sekolah dalam menyediakan murid-murid dengan peluang pendidikan, maklumat, nasihat dan bimbingan kerjaya yang terbaik.

Penanda Aras	Perincian	Indikator
<p><b>1. Program kerjaya yang stabil</b></p>	<p>Program yang stabil harus terdiri daripada program tahunan yang melibatkan sekurang-kurangnya 1 aktiviti bagi setiap penanda aras Gatsby. Sebagai contoh, mewujudkan perkongsian dengan majikan tempatan dalam STEM dalam hari perusahaan di sekolah.</p> <p>Program yang stabil juga perlu mempunyai pihak berkepentingan yang berbeza seperti ibu bapa, guru mata pelajaran yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan program. Sebagai contoh, menjemput ibu bapa untuk memberi ceramah kerjaya.</p> <p>Kajian yang dilakukan oleh yayasan Gatsby menunjukkan bahawa program kerjaya yang stabil di sekolah dapat membantu murid-murid dalam meningkatkan motivasi dan memperoleh pencapaian yang lebih tinggi. Sebagai contoh, usaha guru mata pelajaran kimia berkongsi tentang laluan kerjaya berbeza yang boleh dipilih murid kelak boleh membantu murid menerokai laluan kerjaya yang mungkin tidak pernah dipertimbangkan oleh mereka.</p> <p>Ini melibatkan setiap sekolah untuk menggunakan instrumen audit Kerjaya (CAT) untuk mengenalpasti situasi semasa pelaksanaan bimbingan kerjaya di sekolah berdasarkan penanda aras Gatsby. Ini diikuti dengan perancangan pelan tindakan pembangunan kerjaya di sekolah yang dipamerkan pada papan notis sekolah secara terbuka atau sedia dibekalkan atas permintaan.</p>	<p>Sekolah boleh mewujudkan program kerjaya yang stabil dan tersusun yang disokong oleh pengurusan sekolah dan pihak berkepentingan lain.</p> <p>Seorang pemimpin kerjaya telah dikenal pasti dan ditugaskan bertanggungjawab ke atasnya.</p>

Penanda Aras	Perincian	Indikator
<p><b>2. Belajar dari kerjaya dan maklumat pasaran buruh</b></p>	<p>Semua pendidik yang terlibat dalam bimbingan kerjaya harus mempunyai akses kepada maklumat pasaran buruh yang terkini untuk disebarkan kepada murid dan ibu bapa mereka. Sebagai contoh, senarai pekerjaan kritikal TalentCorp menunjukkan pekerjaan yang paling diperlukan dalam pasaran pekerja.</p> <p><a href="https://www.talentcorp.com.my/clients/TalentCorp_2016_7A6571AE-D9D0-4175-B35D-99EC514F2D24/contentms/img/TalentCorp_CriticalOccupationsList_FullList_20190312.pdf">https://www.talentcorp.com.my/clients/TalentCorp_2016_7A6571AE-D9D0-4175-B35D-99EC514F2D24/contentms/img/TalentCorp_CriticalOccupationsList_FullList_20190312.pdf</a></p> <p>Senarai ini menunjukkan pekerjaan popular merentasi 18 sektor di Malaysia. Laporan ini dapat membantu kedua-dua murid dan ibu bapa memahami sektor dan kemahiran yang mendapat sambutan paling hangat, dan seterusnya membantu murid-murid membuat pilihan yang lebih tepat.</p> <p>Guru bimbingan dan kaunseling juga boleh mengakses laman web seperti Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA).</p> <p><a href="https://www.ilmia.gov.my/index.php/en/">https://www.ilmia.gov.my/index.php/en/</a></p> <p>ILMIA menyediakan maklumat pasaran pekerja terkini tentang ekosistem tempat kerja dan tenaga kerja di Malaysia.</p> <p>Jobs Malaysia ialah portal sehenti yang memadankan pencari kerja kepada majikan.</p> <p><a href="https://www.jobsmalaysia.gov.my/jobsmmy/home">https://www.jobsmalaysia.gov.my/jobsmmy/home</a></p>	<p>Semua murid-murid mempunyai akses kepada maklumat mengenai laluan kerjaya dan pasaran buruh untuk memaklumkan keputusan mereka sendiri mengenai pilihan pembelajaran.</p> <p>Ibu bapa/guru didorong untuk mengakses dan menggunakan maklumat mengenai pasaran buruh dan pilihan laluan pendidikan masa depan untuk memaklumkan dan menyokong anak-anak mereka.</p>
	<p><b>3. Menangani keperluan setiap murid</b></p>	<p>Murid-murid mempunyai keperluan yang berbeza pada tahap persekolahan yang berbeza. Oleh itu, peluang untuk melibatkan diri dan mengambil bahagian dalam pendidikan kerjaya perlu disesuaikan dengan tahap dan keperluan murid yang berbeza. Program kerjaya sekolah harus berusaha secara aktif untuk menyediakan pelbagai aktiviti yang menitik-beratkan konsep kesamaan dan kepelbagaian.</p> <p>Misalnya, anjurkan aktiviti di mana murid-murid perempuan digalakkan untuk meneruskan kerjaya dalam STEM dengan menjemput wanita dalam bidang ini untuk berkongsi perjalanan kerjaya mereka. Ini membantu untuk mencabar pemikiran stereotaip dan meningkatkan aspirasi.</p> <p>Penyimpanan rekod perlu dilaksanakan dalam program kerjaya yang stabil. Setiap kali murid diberikan sokongan, rekod harus dibuat dalam kaedah yang sistematik dan murid harus diberi akses kepada rekod ini.</p> <p>Sebagai contoh, pelan tindakan kerjaya standard boleh digunakan untuk mengesan dan memantau rekod ini.</p> <p>Data pengesanan murid selepas tamat sekolah menengah harus direkodkan bagi setiap murid supaya sekolah boleh memantau apa yang berlaku kepada mereka apabila mereka meninggalkan sekolah menengah.</p>

Penanda Aras	Perincian	Indikator
<p><b>4. Hubungan-pembelajaran kurikulum dan kerjaya</b></p>	<p>Semua guru mata pelajaran harus menghubungkan pembelajaran kurikulum dengan kerjaya. Guru-guru mata pelajaran hendaklah menonjolkan perkaitan subjek mereka ke dalam dunia kerja dan bagaimana pelbagai laluan boleh dipilih oleh murid.</p> <p>Sebagai contoh, aktiviti matematik tentang belanjawan boleh dilakukan untuk membantu murid yang ingin menjalankan perniagaan sendiri atau mengambil peranan kepimpinan dalam industri di mana kemahiran ini dapat memberi manfaat kepada mereka dalam dunia kerja.</p>	<p>Setiap murid berpeluang untuk mempelajari bagaimana subjek STEM yang berbeza dapat membantu murid-murid untuk mendapat kemasukan kerja, dan menjadi pekerja yang lebih berkesan dalam pelbagai kerjaya</p>
<p><b>5. Interaksi dengan majikan dan pekerja</b></p>	<p>Murid-murid harus diberikan akses kepada beberapa majikan bagi memberi peluang kepada mereka untuk mengenali dunia pekerjaan yang sebenarnya. Murid-murid harus diberi peluang untuk belajar daripada majikan tentang kehidupan kerja, realiti kerja, budaya kerja dan kemahiran yang diperlukan. Pelbagai aktiviti pengayaan dapat dianjurkan agar para murid mendapat pengalaman yang bermakna dengan majikan.</p> <p>Sebagai contoh, guru bimbingan dan kaunseling boleh menganjurkan perbincangan panel di mana pelbagai majikan menghadiri dan memberikan maklumat serta jawapan kepada soalan yang ditanya oleh murid. Ini akan memberikan murid-murid gambaran yang lebih jelas tentang apa yang mereka jangkakan apabila mereka menyertai tenaga kerja.</p>	<p>Setiap tahun, murid-murid boleh mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu pertemuan bermakna* dengan majikan di mana murid-murid mempunyai peluang untuk belajar tentang kerja atau apa yang diperlukan untuk berjaya di tempat kerja.</p>
<p><b>6. Pengalaman di tempat kerja</b></p>	<p>Guru bimbingan dan kaunseling boleh mencipta pengalaman di tempat kerja untuk murid-murid mereka. Murid-murid harus diberi peluang untuk melakukan kerja yang membayangi latihan atau pengalaman kerja supaya mereka diberi kesempatan untuk meneroka dan mencuba untuk mengenal pasti laluan kerjaya yang sesuai. Ini akan membolehkan mereka mengembangkan pengetahuan dan rangkaian mereka.</p> <p>Sebagai contoh, aturkan dengan beberapa majikan tempatan yang popular untuk program bayangan kerja di mana murid-murid boleh mencuba dan mendapat pengalaman bekerja selama beberapa hari setiap tahun. Guru juga boleh bekerjasama dengan majikan yang telah menggajikan bekas murid sekolah dan meneroka bagaimana ini boleh bertukar kepada aktiviti penerokaan kerjaya dengan meminta murid-murid membuat log pengalaman kerja dan menambah kemahiran yang mereka dapati dalam CV hidup mereka.</p>	<p>Setiap murid boleh mempunyai sekurang-kurangnya satu pengalaman di tempat kerja, selain daripada apa-apa pekerjaan separuh masa yang sedang disandang.</p> <p>Setiap murid boleh mempunyai pengalaman lanjut, selain daripada pekerjaan separuh masa yang sedang disandang.</p>

Penanda Aras	Perincian	Indikator
<p><b>7. Pengenalan kepada pendidikan pasca-menengah</b></p>	<p>Murid-murid harus diberikan akses kepada pelbagai peluang pembelajaran termasuk laluan alternatif ke universiti termasuk TVET, perantisan dan banyak lagi.</p> <p>Lawatan ke institusi teknikal dan universiti harus dianjurkan untuk murid-murid supaya mereka dapat meneroka secara langsung pelbagai pilihan yang sesuai untuk mereka.</p> <p>Sebagai contoh, program ini boleh dijalankan secara tersendiri atau bersama-sama dengan sekolah-sekolah lain di kawasan tersebut. Guru bimbingan dan kaunseling dapat menganjurkan program ini bermula dengan tahap 1 iaitu dengan meminta murid-murid melakukan ujian RIASEC, seterusnya meminta semua murid menggunakan hasilnya untuk melihat padanan industri yang sesuai melalui laman web <a href="http://www.onetonline.org">www.onetonline.org</a></p> <p>Sebaik sahaja mereka memperoleh maklumat tentang padanan industri yang sesuai, mereka boleh meneruskan ke tahap 2. Ini adalah di mana sekolah-sekolah boleh menghadiri hari terbuka institusi teknikal dan/atau universiti. Murid-murid akan dibekalkan dengan maklumat ini supaya mereka dapat mengajukan minat/pertanyaan mereka kepada jabatan yang khusus dan bukannya sekadar bersiar-siar tanpa tujuan. Matlamat mereka semasa menghadiri hari terbuka adalah untuk meneroka dan mengetahui sejauh mana ujian telah memadankan mereka dengan laluan pendidikan berpotensi yang sedang dipertimbangkan.</p> <p>Tahap 3 ialah sesi semakan dan penilaian. Selepas mereka kembali dari lawatan, guru bimbingan dan kaunseling akan menganjurkan aktiviti untuk melihat jika murid-murid telah menemui padanan yang baik dan merancang bagaimana arah tuju jalan kerjaya ini jika mereka meneruskan pilihan ini.</p>	<p>Setiap murid boleh mempunyai pertemuan bermakna* dengan pelbagai institusi pembelajaran, termasuk TVET, tawaran perantisan dan universiti. Ini termasuk peluang untuk bertemu dengan kedua-dua kakitangan dan murid-murid.</p> <p>Semua murid yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti diberi peluang untuk menyertai sekurang-kurangnya dua lawatan ke universiti untuk bertemu kakitangan dan murid institusi pengajian tinggi.</p>
<p><b>8. Bimbingan peribadi kepada murid secara individu</b></p>	<p>Murid-murid perlu diberi peluang untuk mendapat akses kepada guru bimbingan dan kaunseling untuk meneroka dan membincangkan pilihan berkaitan kerjaya yang penting yang akan dibuat oleh mereka. Semasa sesi ini, murid harus dibenarkan meneroka pelbagai peluang yang dapat membantu mereka memahami matlamat kerjaya mereka.</p> <p>Sebagai contoh, guru bimbingan dan kaunseling boleh menganjurkan minggu kerjaya secara bersama dengan sekolah berdekatan yang lain di mana kedua-dua majikan dan para guru dijemput. Guru bimbingan dan kaunseling boleh mengadakan sesi kaunseling dan bimbingan kerjaya individu supaya murid boleh mendapat bimbingan tentang pertimbangan pilihan kerjaya mereka selepas pertemuan dengan majikan dan para guru .</p>	<p>Setiap murid boleh mempunyai sekurang-kurangnya satu temu bual sebelum mereka meninggalkan sekolah menengah.</p>

Sumber artikel: <https://ifchloecan.org.uk/gatsby-benchmarks/>

Sumber Penanda aras Gatsby: <https://www.goodcareerguidance.org.uk/>